


JANUARI 1 -15, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

# TWOAS

## penuhi sasaran minimum 30% ADUN wanita

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan inisiatif baru dikenali *Top-Up Women-Only Additional Seats* atau TWOAS sebagai usaha untuk meningkatkan perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pendekatan tersebut akan memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita di DUN melalui sistem lantikan sekiranya perlu.

"Dengan kata lain, sistem ini hanya akan dilaksanakan sekiranya peratusan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita kurang daripada 30 peratus.

"Sebagai contoh, jika kita ada 12 atau lebih ADUN wanita terpilih (melalui pilihan raya), maka TWOAS tidak diperlukan kerana kita telah mempunyai 30 peratus atau lebih perwakilan wanita.

"Bagaimanapun, sekiranya kita hanya ada enam ADUN wanita terpilih seperti sekarang, maka kita akan tambah dengan melantik sembilan lagi perwakilan tanpa melalui proses pilihan raya.

"Sekiranya tidak ada langsung perwakilan wanita yang dipilih pada pilihan raya negeri, maka ia memerlukan tambahan 18 wakil wanita yang dilantik untuk mencapai kuota 30 peratus sekaligus akan meningkatkan jumlah ADUN di negeri ini daripada 40 kepada 58," katanya pada sidang media di sini 10 Disember lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.




KETUA Menteri bersama-sama Chong Eng (tiga dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan simbolik 30 peratus perwakilan wanita pada majlis pengumuman TWOAS di sini baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Kon Yeow menegaskan bahawa sistem baru tersebut adalah berbeza daripada pelantikan ADUN di beberapa negeri seperti Sabah, Terengganu dan Pahang yang diputuskan sepenuhnya oleh pihak kerajaan.

"Kerajaan Negeri ingin menekankan bahawa TWOAS merupakan satu sistem demokrasi yang akan mencerminkan komposisi terkini di DUN.

"Sistem ini akan dilaksanakan berdasarkan peratusan undi popular yang diperoleh oleh parti politik masing-masing semasa pilihan raya.

"Justeru, inisiatif ini akan memberikan manfaat kepada semua pihak secara adil sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang," jelasnya.

Selain itu kata beliau, parti politik juga dikehendaki menamakan calon TWOAS daripada kalangan wanita yang telah menyertai bengkel advokasi gender.

"Senarai calon TWOAS juga perlu menampakkan kepelbagaian daripada segi etnik, umur dan sebagainya," tegasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa untuk mencapai sasaran 30 peratus perwakilan wanita di DUN melalui TWOAS, Kerajaan Negeri perlu melaksanakan beberapa pindaan terhadap perlembagaan negeri.

"Selain itu, enakmen baru atau pindaan terhadap enakmen sedia ada juga diperlukan untuk menentukan makanisme serta menjamin hak dan keistimewaan ADUN yang dilantik.

"Definisi ADUN juga perlu dipinda untuk mengiktiraf peranan atau membolehkan penambahan jumlah ADUN dibuat melalui sistem pencalonan," ulasnya.

Tambah Kon Yeow, satu jawatankuasa khas untuk pelaksanaan TWOAS telah ditubuhkan diketuai oleh Chong Eng.

"Jawatankuasa khas ini akan menjalankan pelbagai sesi konsultasi dan libat urus dengan pihak berkepentingan yang dikenal pasti untuk mendapatkan maklum balas dan perincian pelaksanaan TWOAS," jelasnya.

Dalam pada itu, Chong Eng menzahirkan rasa bangga terhadap komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan.

"Pulau Pinang sekali lagi mendahului. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri dan barisan Exco kerana menyokong inisiatif TWOAS.

"Kami juga memerlukan sokongan lebih besar daripada orang awam pada sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan yang bakal diadakan kelak," serunya.

# Geran komitmen pembangunan sains dan teknologi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** *Motorola Solutions Foundation* yang berpusat di Chicago, Amerika Syarikat telah meluluskan geran bernilai USD75,000 atau bersamaan RM307,162 kepada *Penang Science Cluster* (PSC) sebagai komitmen berterusan syarikat gergasi dunia tersebut terhadap pembangunan dalam bidang sains dan teknologi negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sumbangan tersebut akan menginspirasikan pelajar di Pulau Pinang untuk menjadi inovator dalam bidang sains serta teknologi.

"Geran ini adalah komitmen berterusan pihak *Motorola Solutions Foundation* yang selama lima tahun terakhir telah menyumbang sejumlah RM1.5 juta kepada PSC.

"Di Pulau Pinang, selama 46 tahun kita mempunyai *Motorola Solutions Malaysia (Penang)* yang juga merupakan aset tidak ternilai dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri… malah sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR), kakitangannya *(Motorola Solutions)* juga sering menjadi sukarelawan dalam membantu masyarakat terutamanya PSC untuk menginspirasikan minat pelajar ke arah sains dan teknologi," ujarnya pada sidang media pengumuman sumbangan geran berkaitan di sini 18 November lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi, Prof. Dr. P. Ramasamy; Phee Boon Poh (Exco Alam Sekitar dan Kebajikan); Solomon Lorthu (Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Penang) dan Ooi Peng Ee (Ketua Pegawai Eksekutif PSC).




**KETUA Menteri bersama-sama Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan Phee Boon Poh (kiri sekali) menyaksikan penyerahan geran daripada Solomon Lorthu (dua dari kanan) kepada Ooi Peng Ee (dua dari kiri) pada majlis pengumumannya di sini baru-baru ini.**

Menurut Kon Yeow, dana geran tersebut akan digunakan untuk meneruskan Projek Ignite oleh PSC iaitu program khas pelajar sekolah rendah dan menengah yang bertujuan menginspirasikan pelajar untuk menjadi inovator dalam sains dan teknologi.

"Setiap tahun, kira-kira 4,000 pelajar dan 400 guru mendapat manfaat daripada projek ini," ulasnya.

Dalam pada itu, Lorthu memberitahu bahawa sumbangan berkenaan adalah komitmen tahun keempat yang mana *Motorola Solutions Foundation* menyenaraikan PSC dalam rangkaian penerima manfaat sebagai menyokong program pendidikan serta inovatif seluruh dunia.

"*Motorola Solutions Malaysia (Penang)* seringkali menjadi rakan kongsi PSC dalam menjayakan pelbagai inisiatif dan program sejak tahun 2014 iaitu menyediakan platform agar dapat memupuk minat generasi akan datang terhadap kreativiti, inovasi dan seterusnya membangunkan saluran bakat untuk masa depan," katanya.

## e-Pembelajaran, bekal peralatan bantu pelajar kurang mampu

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri terus berusaha untuk memastikan para pelajar kurang berkemampuan di negeri ini dapat meneruskan pembelajaran dalam suasana normal baharu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa usaha tersebut dilaksanakan melalui pemberian komputer riba baru dan terpakai kepada pelajar-pelajar yang layak untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian di rumah.

Beliau berkata, sehingga kini Kerajaan Negeri menyerahkan lebih daripada 1,000 jenis peranti komputer sama ada yang baru atau terpakai sejak Program Komputer e-Pembelajaran Pulau Pinang dimulakan pada Mei 2020.

"Membaik pulih komputer terpakai bukanlah sesuatu yang mudah dan memerlukan kerjasama dengan banyak pihak termasuk syarikat korporat.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar projek ini dapat diteruskan serta ditingkatkan pada masa-masa akan datang," katanya pada sidang media sebelum majlis penyerahan alat e-pembelajaran daripada *YTL Foundation* dan *YTL Communications* di sini 19 November 2020.

Turut hadir, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications, Wing K. Lee serta Naib Pengerusi



**WING K. Lee.**

Program Komputer e-Pembelajaran Pulau Pinang, Ngoo Seong Boon.

Pada majlis penyerahan tersebut, *YTL Foundation* dengan kerjasama *YTL Communications* (YTLC) telah menyumbangkan Telefon Pintar YES 4G lengkap dengan perkhidmatan YES percuma kepada Kerajaan Negeri untuk diserahkan kepada 224 pelajar memerlukan di negeri ini membabitkan kos RM201,376.

Kon Yeow dalam pada itu memuji inisiatif 'Belajar dari Rumah' oleh pihak YTL dan berharap agar lebih banyak sektor swasta tampil bersama-sama Kerajaan Negeri untuk membantu pelajar-pelajar memerlukan di negeri ini.

"Saya juga dimaklumkan bahawa 76 keluarga telah menerima telefon pintar percuma bersama-sama aplikasi yang disediakan ini manakala 148 keluarga lagi masih dalam proses," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 6 November lalu, Kerajaan Negeri mula menerima panggilan daripada pengetua serta guru-guru sekolah untuk mendapatkan lebih banyak alat e-Pembelajaran.

"Justeru, pasukan petugas 'Task Force Program Komputer e-Pembelajaran' dan pejabat saya berjaya mengaturkan 250 unit komputer riba terpakai dalam masa tiga hari untuk diedarkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan.

"Peralatan e-Pembelajaran ini akan dipinjamkan atau diserahkan kepada pelajar yang memerlukan untuk membolehkan mereka meneruskan pembelajaran di rumah selepas semua sekolah diarah tutup sejak pelaksanaan PKPB," katanya.

Dalam pada itu, Lee berkata bahawa inisiatif 'Belajar Dari Rumah' merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa pihaknya menyediakan telefon pintar lengkap dengan perkhidmatan YES percuma selama 12 bulan dan 120GB data 4G kepada pelajar memerlukan.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Golongan B40, pengusaha IKS tempatan terus dibantu

**PADANG KOTA** - Pihak-pihak yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 terus mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Terbaru, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota melaksanakan inisiatif serampang dua mata untuk membantu golongan berpendapatan terendah (B40) serta pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan yang merupakan golongan paling terjejas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar inisiatif tersebut dapat dijadikan contoh dan ikutan oleh JPWK lain serta pihak-pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini.

"Melalui sumbangan yang diberikan ini, kita dapat membantu para pengusaha IKS dengan membeli produk-produk mereka sebagai satu sokongan dan galakan kepada golongan berkaitan.

"Barangan yang dibeli daripada IKS khususnya wanita dijadikan sebahagian bakul bantuan untuk diagihkan kepada golongan B40 yang terkesan.

"Sebanyak 63 keluarga akan menerima beg makanan berisi keperluan harian seperti beras, minyak dan pelbagai lagi," ucapnya sebelum menyampaikan bantuan kepada pihak berkaitan dekat Pusat Khidmat KADUN Padang Kota di sini 5 Disember 2020.

Hadir sama, Pengerusi JPWK KADUN Padang Kota, Yeoh Phaik Suan; Pengarah Parlimen Tanjong, Lau Keng Ee serta ahli-ahli jawatankuasa JPWK KADUN Padang Kota.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa inisiatif yang dilaksanakan tersebut adalah melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3,465.

"Ini merupakan inisiatif yang sangat bermakna, dan saya berharap agar JPWK KADUN Padang Kota terus memainkan peranan mendekati golongan terkesan supaya kita dapat menunjukkan keprihatinan dalam masa yang mencabar ini," ujarnya.



**KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Phaik Suan (enam dari kiri) dan ahli-ahli jawatankuasa JPWK KADUN Padang Kota menunjukkan simbol yang menjadi simbolik kepada kempen Penang Goes Orange sejurus penyampaian bantuan kepada golongan terkesan B40 di sini baru-baru ini.**

# Pertimbang RM86 juta peruntukan penyelenggaraan rumah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan pemberian peruntukan penyelenggaraan perumahan berjumlah RM86 juta untuk tahun 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri sebelum ini telah menerima peruntukan berkaitan berjumlah RM32 juta.

“Walau bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dapat pertimbangkan tambahan peruntukan untuk tahun 2021 memandangkan Pulau Pinang antara penyumbang cukai tertinggi di Malaysia.

“Lagipun, pihak (Kerajaan) Persekutuan perlu membantu kita daripada segi keperluan dan kemudahan perumahan awam di negeri ini,” ujarnya pada sidang media yang diadakan di Rumah Pangsa Blok 46, Desa Green dekat Jalan Van Praagh, Jelutong 14 Disember 2020.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Penolong Setiausaha Kanan (Penguatkuasaan & Strata) Bahagian Perumahan, Nadzifah Abd. Rahim; Bendahari Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Blok 46, Desa Green, N.Vatharajoo; penyelia bangunan, Jaffri Othman dan pegawai pentadbiran, Elena Kuay.

Setakat ini, menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM262.76 juta untuk membantu skim perumahan awam serta swasta di negeri ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pihaknya telah mengemukakan permohonan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menerusi mesyuarat maya menggunakan platform *‘Zoom’* baru-baru ini, supaya menyalurkan sejumlah peruntukan kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi melakukan pemeriksaan berkala di perumahan berstrata.

“Peruntukan tersebut sebenarnya akan membantu memastikan penyelenggaraan perumahan berstrata (awam dan swasta) di negeri ini dapat diteruskan.

"(Dan) diharap pihak KPKT dapat memastikan pembekalan rumah mampu milik di Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan mencukupi,” katanya.

Terdahulu, Jagdeep hadir ke Desa Green bagi menyerahkan surat kelulusan permohonan kerja-kerja pembaikan tangki air di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

Dalam pada itu, Ah Teong ketika ditemui menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan permohonan persatuan penduduk di situ.

“Kerja-kerja pembaikan melibatkan empat unit tangki air dengan kos RM196,700, dan dengan kelulusan permohonan peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri akan membiayai 80 peratus kos iaitu RM157,360 manakala baki ditanggung oleh persatuan penduduk di sini,” ulasnya.




**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) bersama-sama Ong Ah Teong (dua dari kanan) serta wakil-wakil berkaitan menyerahkan surat kelulusan kepada wakil persatuan penduduk berhubung permohonan kerja-kerja pembaikan tangki air di bawah peruntukan TPM80PP di sini baru-baru ini.**

## Libatkan diri dengan keusahawanan digital

**GEORGE TOWN** – Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang (SKMPP) bercadang untuk menutup koperasi-koperasi yang berstatus tidak aktif di negeri ini.

Pengarah SKMPP, Zakaria Mat Jusoh berkata bahawa 30 peratus daripada 744 buah koperasi yang ada di Pulau Pinang didapati tidak lagi aktif.

“Tidak aktif ini bermakna mereka tidak adakan mesyuarat agung tahunan luar biasa (EGM) dan tidak menjalankan sebarang aktiviti lagi.

“Justeru, koperasi seperti ini sebenarnya tidak lagi memberi sumbangan kepada komuniti serta SKMPP dan adalah lebih baik ia ditutup, bagaimanapun mana-mana koperasi yang berhasrat untuk kembali aktif, peluang masih lagi terbuka,” ucapnya pada Program Usahawan Digital di sini 26 Oktober 2020.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyempurnakan majlis perasmian program berkenaan.

Ahmad Zakiyuddin dalam pada itu menggesa usahawan-usahawan di negeri ini untuk lebih melibatkan diri dalam keusahawanan digital yang menyediakan platform lebih luas dengan keuntungan yang dipercayai lebih lumayan.

Difahamkan, terdapat seramai 166,060 ahli koperasi direkodkan di negeri ini.

# Henti ganggu ekosistem Terusan Prangin

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng menasihati orang awam supaya menghentikan sebarang tindakan yang boleh mengganggu dan merosakkan ekosistem Terusan Prangin dekat Taman Bandar Arkeologi Sia Boey di sini.

Beliau berkata, tindakan segelintir pengunjung memberikan makanan kepada ikan-ikan yang dilepaskan di terusan tersebut dikhuatiri mengganggu kestabilan ekosistem selain boleh mencemarkan air.



TEH Lai Heng.

"Taman ini menyediakan ruang rekreasi yang selesa dan indah serta Terusan Prangin yang direka sebagai *"self-sustaining water body"* untuk memelihara ikan koi dan ikan tilapia serta dapat mengelakkan pembiakan larva nyamuk.

"Namun begitu, ada segelintir pengunjung mula memberi makanan kepada ikan-ikan ini selain melepaskan ikan patin, ikan keli dan kura-kura ke dalam terusan yang mana tindakan ini telah mengganggu kestabilan ekosistem serta mencemarkan air.

"Justeru, saya menyeru kepada semua pihak agar tidak memberikan makanan kepada ikan-ikan ini dan janganlah lepaskan apa-apa (jenis) ikan-ikan baru ke dalam terusan.

"Bersama-samalah kita menjaga taman bersejarah dan bermakna ini dengan menghentikan sebarang tindakan yang boleh merosakkan keindahan serta ekosistem taman," serunya sejurus mengadakan lawatan tapak dekat sini 7 Disember 2020.

Hadir sama, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee.

Dalam perkembangan berkaitan, Lai Heng memberitahu bahawa projek penyelenggaraan Terusan Prangin yang dijalankan mulai 27 Oktober sehingga 19 November 2020 kini siap sepenuhnya.

Tambah beliau, kerja-kerja penyelenggaraan tersebut yang menelan kos sebanyak RM18,500 dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Objektif projek ini adalah untuk memulihkan ekosistem serta memudahkan penyelenggaraan Terusan Prangin kelak.

"Selain itu, ia juga bertujuan memulihkan kembali ekosistem dan kebersihan dalam terusan termasuk pembersihan lapisan lumpur tebal yang disebabkan oleh perkumuhan ikan serta pertumbuhan alga.

"Semasa pembersihan dijalankan, ikan-ikan telah dikeluarkan merangkumi lebih 1,400 ikan tilapia; 250 ikan koi; ikan patin (8); ikan keli (4) dan kura-kura (2)," ulasnya.



ANTARA spesies ikan yang terdapat di dalam terusan.



KERJA-kerja pembersihan Terusan Prangin dekat Taman Bandar Arkeologi Sia Boey giat dijalankan di sini.

# Bantu penjaja kecil pasca COVID-19

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU LANCANG –** Kerajaan Negeri mengumumkan pelbagai pengecualian bayaran kutipan hasil serta bantuan jangka pendek bagi kemudahan golongan terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik COVID-19.

Justeru, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menggesa supaya Kerajaan Persekutuan turut mengambil pendekatan sedemikian khususnya kepada golongan terjejas khasnya komuniti penjaja.

"Apabila pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diumumkan, pihak-pihak berkaitan perlu sediakan bantuan untuk membantu golongan yang terkesan.

"Oleh demikian, saya menyeru Kerajaan Pusat untuk membantu golongan memerlukan seperti penjaja kecil yang mana kita lihat tapak-tapak penjaja sudah kosong dan mereka ini merupakan golongan terjejas (daripada segi pendapatan harian).

"Kalau hendak buat PKPB mesti ada pelan bantuan kepada mereka, saya juga ingin tahu apakah pelan (jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang) untuk golongan ini (penjaja) daripada Kerajaan Pusat kerana mereka juga bayar cukai," ulasnya dalam satu sidang media yang diadakan sejurus lawatan ke Mewah Court bagi mengumumkan kelulusan permohonan kerja-kerja penukaran 16 unit tangki air di sini 24 November 2020.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff dan Pengerusi Badan Pengurusan Mewah Court, D. Emmanuel.

Mengulas mengenai kelulusan permohonan Mewah Court, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menanggung 80 peratus daripada keseluruhan kos projek iaitu bernilai RM374,400, manakala baki 20 peratus (RM93,600) oleh Badan Pengurusan Mewah Court.

"Projek tersebut dijangka mengambil masa selama lapan minggu untuk disiapkan," ujarnya.

Sebagai rekod, Jagdeep memaklumkan bahawa melalui lima tabung perumahan yang diwujudkan, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan sebanyak RM262.76 juta bagi projek-projek penyelenggaraan di semua perumahan awam dan swasta seluruh negeri Pulau Pinang.

"Di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), sebanyak RM38.2 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang meliputi 257 permohonan dengan jumlah kerja yang terlibat adalah sebanyak 411 kerja,'' jelasnya.

# Pemulihan industri perhotelan jangka ambil masa



KHOO Boo Lim.

**SEJAK** Kerajaan Persekutuan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, ramai dalam kalangan penggiat industri perhotelan di negeri ini terutamanya mulai gusar.

Banyak tempahan bilik serta acara dan majlis mula dibatalkan menyebabkan kedudukan kewangan berada dalam taruhan. Lebih mencabar apabila ada pemilik hotel perlu membuat pertimbangan sama ada untuk mengekalkan jumlah kakitangan yang sama atau tidak.

Mantan Pengerusi Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang, **KHOO BOO LIM** sempat berkongsi pengalaman dan situasi semasa yang dihadapi oleh penggiat industri perhotelan di negeri ini.

"Sebelum ini, sepanjang tempoh PKP dan PKP Pemulihan (PKPP), industri perhotelan di negeri ini sememangnya bergelut untuk memastikan kekal beroperasi.

"Namun, segalanya bergantung pada situasi penularan wabak kerana apabila pembukaan semula sektor pelancongan domestik pada Jun lalu, ada hotel-hotel yang kembali rancak.

"(Dan) sukar dijangkakan sehingga bila (penularan COVID-19) berlanjutan, mungkin sehingga pertengahan tahun hadapan, semuanya bergantung pada permintaan pasaran domestik memandangkan pergerakan ke luar negara tidak dibenarkan," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Boo Lim, pemulihan industri perhotelan dijangka akan mengambil masa yang lama untuk kembali stabil, bergantung pada situasi semasa.

"Bagi pihak hotel-hotel pastinya kita berharap tidak berlaku gelombang baharu penularan wabak COVID-19 kerana sejak sembilan bulan lalu industri ini mengalami kerugian berjuta-juta ringgit.

"Maka, ada dalam kalangan pemilik hotel yang mengambil inisiatif dan bertindak kreatif dengan menawarkan potongan harga yang menarik untuk kelangsungan perniagaan.

"(Dan) memandangkan penganjuran acara dan majlis amat terhad, ada dalam kalangan mereka yang turut menjual hidangan yang dihidangkan di hotel kepada umum bagi memastikan penyelenggaraan, keselamatan, kebersihan serta kelangsungan hotel mereka terjamin," katanya yang berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi lebih banyak insentif untuk industri ini terus 'bernafas'.

# *Gurney Wharf*, Kerajaan Negeri dan barisan firma perunding tandatangani perjanjian

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Pembangunan sebuah pulau buatan berhampiran Persiaran Gurney dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa barisan perunding bukan kerajaan menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja penyediaan pelan reka bentuk, dokumen serta membuat penilaian tender bagi projek taman tema awam bertaraf antarabangsa seluas 40 ekar yang dikenali sebagai *Gurney Wharf.*

Menurut beliau, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad mewakili Kerajaan Negeri dalam majlis tandatangan perjanjian tersebut.

"Kita dapat tanah (seluas 131.09 ekar) ini daripada Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD) bagi memenuhi syarat dikenakan kepada syarikat berkenaan untuk pelaksanaan projek Tanjung Pinang Fasa 2.

"TPD dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai pengurus projek untuk membantu kita melaksanakan projek *Gurney Wharf*, (dan) pada kini kita menyaksikan mereka (TPD) telah melantik perunding-perunding bagi komponen-komponen untuk mereka bentuk (berhubung projek pembangunan bercampur) serta sebagainya.



**ILUSTRASI grafik persisiran pantai *Gurney Wharf.***

"Saya berharap kesemua firma perunding yang dilantik dapat melaksanakan kerja sebaik mungkin (termasuk) menyiapkan pelan reka bentuk dan penyediaan dokumen untuk proses memanggil tender serta membuat penilaian tender syarikat-syarikat kontraktor yang (membuat bidaan) siap pada pertengahan tahun 2021," jelasnya pada sidang media di sini pada 21 Disember 2020.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo serta Pengurus Besar TPD, Datuk Zawawi Yusop turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee dan Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Menurut Kon Yeow, sejak tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui CMI telah melantik TPD untuk melaksanakan projek penambakan laut berhampiran Persiaran Gurney.

"Sehingga bulan Mei 2020, 90.07 ekar secara berperingkat telah diserahkan oleh TPD kepada Kerajaan Negeri.

"Semua proses serahan tanah tebus guna akan selesai dalam beberapa bulan lagi," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangam Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Difahamkan, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan kemudahan awam seperti astaka, laluan awam bagi pejalan kaki *(promenade)*, taman permainan kanak-kanak, *'skate park'*, pesisir pantai buatan manusia, *'wetland'* dan dermaga teksi air di atas tapak projek *Gurney Wharf* seluas kira-kira 40 ekar.

Di atas projek tanah tebus guna sama juga, menurut Kon Yeow, turut disediakan rizab jalan raya jika projek terowong dasar laut milik Kerajaan Negeri diteruskan pada masa hadapan.

"Sebahagian tanah (daripada 131.09 ekar tanah tebus guna) yang sama pula, Kerajaan Negeri bercadang untuk digunakan bagi membiayai kos pemajuan tiga jalan raya dalam projek terowong dasar laut pada masa depan," ulasnya.

Berikut adalah firma perunding yang mendatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri:

(i) GDP Architects Sdn. Bhd. (arkitek termasuk pengurus projek);

(ii) *Carnson Design & Grant Associates* (arkitek landskap);

(iii) Jurutera TSSC Lim Sdn. Bhd. (jurutera awam & struktur);

(iv) Jurutera Perunding Valdun Sdn. Bhd. (jurutera mekanikal & elektrik);

(v) Ukur Bahan Konsult (juruukur bahan);

(vi) DR Nik & Associates Sdn. Bhd. (jurutera marin pantai & tambakan);

(vii) DR Nik & Associates Sdn. Bhd. (konsultan alam sekitar termasuk auditor alam sekitar).

## MBSP laksana soal selidik *Circular Economy*

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melancarkan soal selidik bagi mendapatkan input daripada pelbagai pihak berhubung pelaksanaan *Circular Economy* (ekonomi kitaran) di Seberang Perai.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa soal selidik tersebut dijalankan secara dalam talian mulai 23 November sehingga 6 Disember lalu.




**SR. Rozali Mahmod (kanan) dan Ir. Rosnani Mahmod menunjukkan dokumen soal selidik *Circular Economy* pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MBSP di sini baru-baru ini.**

"Soal selidik ini adalah bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada pelbagai agensi, industri dan masyarakat bagi mewujudkan Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy 2021-2023 yang memenuhi kehendak dan hasrat warga setempat.

"Oleh itu, MBSP berharap agar semua pihak dapat bersama-sama berganding bahu demi merealisasikan pelaksanaan *Circular Economy* di Seberang Perai," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Menara Bandaraya di sini pada 23 November 2020.

Turut serta, Ahli-ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Mengulas lanjut, Rozali memaklumkan bahawa Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy 2021-2023 adalah satu pelan tindakan yang komprehensif dan memenuhi kehendak warga Seberang Perai.

"Justeru, MBSP mengambil inisiatif baharu bagi menerokai *Circular Model* yang berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pelepasan bahan berbahaya pada tanah, air dan udara.

"Dalam kata lain, *Circular Model* menumpukan untuk menutup gelung serta meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dalam memaksimumkan penghasilan produk.

"Malah, ia *(Circular Model)* juga dijangka dapat dimasukkan semula dalam kitaran bagi dijadikan produk yang baharu sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah," ulasnya.

## Monumen Balik Pulau jalani proses konservasi

**PULAU BETONG –** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang menjelaskan bahawa pemilihan tender untuk kerja-kerja penarafan dan pemeliharaan monumen Balik Pulau serta kawasan sekitar dengan kos RM470,000 adalah dilakukan secara tender terbuka.

Menurut beliau, lima syarikat telah membida projek tersebut, dan RM470,000 adalah sebut harga terendah dalam mematuhi kaedah pemeliharan monumen warisan Kategori Satu berkenaan.

"Justeru, kontrak ini bukan sahaja untuk naik taraf monumen malah juga melibatkan kos penanaman pokok, naik taraf laluan pejalan kaki, tempat duduk untuk orang awam, elektrik dan elektronik, awam serta mekanikal.

"Selain itu, kita (MBPP) juga melantik jurutera profesional bagi memantau projek, pada masa sama, MBPP juga melantik pakar konservasi untuk melihat aspek pematuhan pemuliharaan monumen warisan Kategori Satu ini," jelasnya selepas melawat tapak projek konservasi tersebut di sini pada 17 Disember 2020.

Difahamkan, suatu ketika dahulu, monumen bersejarah tersebut pernah berfungsi sebagai tempat istirahat serta minum pagi bagi kenderaan pengangkutan yang menggunakan kuda serta lembu di sekitar Balik Pulau.



**AR. Yew Tung Seang menunjukkan ilustrasi grafik monumen warisan Kategori Satu yang bakal dinaik taraf dan menjalani proses konservasi di sini baru-baru ini.**



WUJUDNYA kesedaran untuk membawa beg sendiri semasa membeli-belah di pasar awam atau pasar raya.

# Sokong inisiatif kurang penggunaan beg plastik

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang sedia menaikkan caj bagi setiap beg plastik di pasar raya daripada 20 sen yang dikenakan sejak 2009 kepada RM1 mulai Januari 2021.



PHEE Boon Poh.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** baru-baru ini berkata bahawa ketika ini Kerajaan Negeri telah melarang penjualan beg plastik pada setiap Isnin hingga Rabu sejak Julai 2020, tetapi akan menguatkuasakannya secara lebih ketat pada tahun 2021.

Beliau berkata, langkah tersebut adalah bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kesan sampah plastik kepada alam sekitar sekaligus dapat mengurangkan penggunaannya di negeri ini.

Menurut beliau, wang yang dikumpulkan daripada penjualan beg plastik akan disalurkan sebagai dana khas bagi usaha pengurusan alam sekitar selain untuk membantu golongan memerlukan di negeri ini.



AIMAN Fashehah Ahmad.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemubual beberapa penduduk di negeri ini untuk melihat sejauh mana penerimaan mereka terhadap dasar tersebut.

**AIMAN FASHEHAH AHMAD**, 30, kerani, memuji komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan sampah plastik melalui langkah tersebut selepas melaksanakan kempen kesedaran mengenai penggunaan beg plastik sejak lebih 10 tahun lalu.

"Bagi saya, keputusan yang menaikkan caj beg plastik tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada saya, sebaliknya inisiatif ini dilihat lebih baik kerana menampakkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini.

"Seperti yang kita sedia maklum, penggunaan beg plastik yang tidak terkawal akan membawa kesan berbahaya kepada alam sekitar terutamanya ekosistem laut.

"Selain itu, penggunaan beg plastik juga dilihat kurang praktikal kerana hanya boleh digunakan sekali sahaja dan sekiranya barang yang kita bawa itu berat, maka ia cenderung untuk pecah.

"Oleh itu, setiap kali saya keluar membeli barangan runcit di pasar awam atau pasar raya, saya akan selalu membawa beg yang boleh digunakan semula tetapi sekiranya saya lupa membawanya, saya hanya akan membeli beg yang boleh digunakan semula," katanya ketika ditemui dekat Pasar Awam Seberang Jaya.



HIDAYAH Md. Zain.

Bagi **HIDAYAH MD. ZAIN**, 60, pesara, pula berpendapat bahawa sebarang usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar adalah wajar disokong oleh semua pihak.

"Saya berharap agar dengan kenaikan harga yang tinggi untuk beg plastik ini dapat meningkatkan kesedaran dan mendorong lebih ramai pengguna di Pulau Pinang untuk menggunakan beg yang boleh digunakan semula.

"Saya perhatikan bahawa pengguna pada umumnya tidak keberatan membayar 20 sen untuk satu beg plastik, dan saya berharap kadar baru RM1 akan menjadi penghalang kepada mereka.

"Selain itu, saya juga berharap agar langkah baru ini dapat mendidik lebih ramai warga negeri untuk menggunakan beg yang boleh digunakan semula bagi menyelamatkan alam sekitar atau sekurang-kurangnya untuk mengurangkan kesan pencemaran plastik.

"Mungkin ada segelintir masyarakat yang tidak bersetuju dengan langkah ini, tetapi saya percaya sudah tiba masanya untuk kita semua berfikir jauh ke depan dan melihat gambaran yang lebih besar mengenai kepentingan menjaga alam sekitar," tegasnya.

Dalam pada itu, **RASHID MD. ALI**, 55, yang merupakan seorang peniaga pada prinsipnya bersetuju terhadap dasar baru Kerajaan Negeri yang dilihat dapat mendatangkan kebaikan kepada alam sekitar untuk jangka masa panjang.



RASHID Md. Ali.

"Pada prinsipnya, saya setuju dan mengalu-alukan harga baru beg plastik kerana dapat memberikan faedah jangka panjang kepada alam sekitar.

"Bagaimanapun, pada masa sama, saya juga berharap agar Kerajaan Negeri menjadi lebih telus dengan memaklumkan kepada masyarakat secara terperinci mengenai hasil yang dikutip daripada caj plastik itu digunakan untuk tujuan apa.

"Sekiranya wang itu digunakan untuk membiayai projek pengurusan alam sekitar dan program kebajikan rakyat seperti *Mutiara Food Bank* untuk membantu mereka yang memerlukan, maka saya menyambut baik inisiatif ini," ujarnya.



PENGGUNAAN beg plastik sekali guna yang masih lagi berleluasa.




# INFO SUKAN

HUBUNGI KAMI
Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang
Jalan Sultan Azlan Shah
Batu Uban, 11700 Gelugor, Pulau Pinang
Tel: 04-659 3713 / 659 3714 / 659 3715 Faks: 04-659 5996
Email: info.msnpp@gmail.com

| | |
|---|---|
| **PERSATUAN ANGKAT BERAT AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4099020<br>EMAIL: ramalingamretnam7@gmail.com | **PERSATUAN MEMANAH NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4155293<br>EMAIL: Syed971129@gmail.com |
| **PERSATUAN BADMINTON PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4774888 / 04-5080777<br>EMAIL: kwloeong@rocketmail.com | **KELAB MENEMBAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4009333<br>EMAIL: boscloth@gmail.com |
| **PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4098110<br>EMAIL: encikmunir1965@gmail.com | **PERSATUAN MUAYTHAI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 019-4177460<br>EMAIL: hookhing1206@gmail.com |
| **PERSATUAN BILIARD DAN SNUKER PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4032713<br>EMAIL: penangbnsa@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4628260<br>EMAIL: govind0101@hotmail.com |
| **PERSATUAN BINA BADAN PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4707882<br>EMAIL: bodysifu@gmail.com / shukri.sunworld@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA MASTERS PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4628292<br>EMAIL: phpodim@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA BALING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-4334274<br>EMAIL: sitibalqiskhalid@gmail.com | **MAJLIS SILAT NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4156724<br>EMAIL: zack_hassan@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA JARING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-5323902<br>EMAIL: eida_bern83@yahoo.com | **PERSATUAN PERAHU LAYAR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 011-55090078<br>EMAIL: roztai@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA KERANJANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4486190<br>EMAIL: cwtan.hla@gmail.com | **PERSATUAN PETANQUE NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-5782090<br>EMAIL: penque2010@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 04-2289454<br>EMAIL: fapenang1921@gmail.com | **PERSATUAN PING PONG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4316119<br>EMAIL: tkoon@amlextech.com |
| **PERSATUAN BOLA TAMPAR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4091387<br>EMAIL: pllian9999@gmail.com | **PERSATUAN RAGBI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-5643555<br>EMAIL: ahmad.yusri.mohd.yusoff@gmail.com |
| **PERSATUAN CATUR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4718273<br>EMAIL: tehinhooi@gmail.com | **PERSATUAN RENANG AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4354691<br>EMAIL: honsec.pasa@yahoo.com |
| **PERSATUAN SUKAN ELEKTRONIK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-7718346<br>EMAIL: pulaupinang.esc07@gmail.com | **PERSATUAN SEPAKTAKRAW PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-4211422<br>EMAIL: ismadibb@gmail.com |
| **PERSATUAN FLOORBALL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4140766<br>EMAIL: jychuah25@gmail.com | **PERSATUAN SILAMBAM PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4674448<br>EMAIL: silambampenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN GOLF PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-3140266<br>EMAIL: llchoo1962@yahoo.com | **PERSATUAN SQUASH PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4182032<br>EMAIL: psdanloh@gmail.com |
| **PERSATUAN HOKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4933314<br>EMAIL: jayanpsha1973@hotmail.com | **PERSATUAN SOFBOL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4793548<br>EMAIL: kennyteoh@hotmail.com |
| **MAJLIS JIMNASTIK AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4114896<br>EMAIL: ybchoo66@yahoo.com | **KELAB SUKAN MOTOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4777919<br>EMAIL: ccolin88@gmail.com |
| **PERSATUAN JUDO PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-7658867<br>EMAIL: chkkee2@gmail.com | **TAEKWONDO NEGERI PULAU PINANG (TM)**<br>NO TEL: 016-4596550<br>EMAIL: rajendran.rajoo@yahoo.com |
| **PERSATUAN KABADDI AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-5560294<br>EMAIL: shanker_7854@yahoo.com | **PERSATUAN TENPIN BOWLING PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4851775<br>EMAIL: cheahbc2233@gmail.com |
| **PERSEKUTUAN KARATE PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4779400<br>EMAIL: penangkarate@gmail.com | **PERSATUAN TINJU AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4574002<br>EMAIL: scarujunan@usm.gov |
| **PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4991141<br>EMAIL: girlietan123@hotmail.com | **PERSATUAN WOODBALL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4558110<br>EMAIL: woodballpenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN KRIKET PULAU PINANG**<br>NO TEL: 018-4668445<br>EMAIL: devvakumar@gmail.com | **PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN WUSHU, TARIAN SINGA DAN NAGA NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-3219392<br>EMAIL: tayleongseng@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWAN PEDANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4823255<br>EMAIL: pjlim_2000@yahoo.com | **PERSATUAN AIKIDO NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 012-5220684<br>EMAIL : arrowind.joshua@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN BOWLS NEGERI PULAU PINANG (2020)**<br>NO TEL: 019-4719514<br>EMAIL: zanzuri.hashim@mbsp.gov.my | **PERSATUAN MENDAYUNG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4656961<br>EMAIL : kbkhoo1351@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN TENIS PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4465810<br>EMAIL: paullimht@hotmail.com | **PERSATUAN MENDAKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 017-4790719<br>EMAIL : penangclimbing@gmail.com |

MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG




*Penang Athlete Career and Education (PACE)* – Unit baru di dalam program Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2020. Unit PACE ini terdiri daripada 3 teras utama dan program yang menyokong ke arah kejayaan atlet iaitu Program PENDIDIKAN, KERJAYA dan KEBAJIKAN.

Diwujudkan bagi menyelaraskan serta menyediakan platform untuk mencari peluang-peluang dan program yang dijadikan sebagai asas dalam memberikan keyakinan kepada atlet-atlet negeri dan bekas atlet dari segi jaminan masa hadapan mereka.

Pada awalan pembentukan PACE Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah melakukan lawatan belajar dan kunjungan hormat ke *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE) pada 17 Julai 2020 untuk dijadikan sebagai penanda aras program PACE Pulau Pinang.

Program yang digerakkan oleh PACE ini diwujudkan dan berperanan bagi menyelaraskan serta menyediakan platform untuk mencari peluang-peluang pendidikan dan kerjaya serta kebajikan mereka. Program ini juga dijadikan sebagai asas dalam memberi keyakinan kepada atlet-atlet negeri, atlet dalam latihan, bekas-bekas atlet dan atlet-atlet muda peringkat akar umbi untuk terus kekal berkecimpung dalam sukan serta memberi peluang jaminan masa hadapan mereka.

## PROGRAM KEBAJIKAN

**Objektif** : Menyediakan kebajikan asas atlet

Memastikan kewujudan mekanisme yang memelihara kebajikan semua atlet-atlet negeri setiap masa dan ditubuhkan sebagai penghargaan kepada atlet-atlet dan bekas atlet yang telah mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang dalam persada sukan yang diceburi.

Bekerjasama dengan agensi kebajikan seperti Yayasan Atlet Kebangsaan (YAKEB), Jabatan Kebajikan Masyarat (JKM), Pejabat Daerah Pulau Pinang, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PEKESO.

Berperanan untuk mempelbagaikan peluang insentif dan kebajikan atlet di bawah Tabung Sukan Negeri Untuk Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang seperti:

1. PerlindunganInsurans Berkelompok
2. Bantuan Rawatan Penyakit
3. Bantuan Kos Pembedahan
4. Bantuan Khairat Kematian
5. Bantuan Bencana Alam

# UNIT PENDIDIKAN KERJAYA DAN KEBAJIKAN ATLET MSNPP (PACE)

## PROGRAM PENDIDIKAN

**Objektif** : Melahirkan atlet-atlet yang berpendidikan tinggi

Mewujudkan satu platform untuk peluang-peluang atau program-program untuk atlet negeri Pulau Pinang bagi melanjutkan pelajaran atau meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diminati tanpa mengorbankan karier sukan mereka.

**Rakan Strategik Pendidikan**

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
1.Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang
2.Universiti Sains Malaysia
3.Politeknik Seberang Perai

Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA)
1.Kolej Komuniti Bayan Baru
2.Kolej Komuniti Tasek Gelugor
3.Kolej Komuniti Bukit Mertajam
4.Kolej Komuniti Seberang Jaya
5.Kolej Komuniti Kepala Batas
6.Kolej Komuniti Nibong Tebal
7.Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam

## PROGRAM KERJAYA

**Objektif** : Menyediakan laluan kerjaya kepada atlet negeri

Membina peluang dan laluan kerjaya kepada atlet untuk diserap ke dalam sektor pekerjaan awam dan swasta serta menjalinkan hubungan kerjasama kolaborasi yang erat dengan Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Sektor Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

**Rakan Strategik Kerjaya**

1. Majlis Bandaraya P.Pinang
2. Majlis Bandaraya Seb. Perai
3.Penang Development Corporation
4. Penang Youth Development Corporation
5. Penang Women's Development Corporation
6. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
7. Penang Career Assistance Talent Centre




Rakan Strategik Pendidikan Dan Kerjaya




**Program Kursus Pendek –** Masakan Barat Anjuran Kolej Komuniti Bukit Mertajam

## LAWATAN DAN SUMBANGAN



Lawatan dan sumbangan barang keperluan kepada bekas atlet Sepak Takraw Pulau Pinang / Kebangsaan – Muhammad Kamal Bin Ishak di rumahnya Kampung Petani, Kubang Semang, Bukit Mertajam

## INFO SUKAN : AKUATIK

**Sukan Akuatik** terdapat daripada empat kategori iaitu Renang , Terjun, Renang Berirama , dan Polo Air.

**Sukan Renang** popular pada abad ke-19 dan kini terdiri daripada 34 buah acara, iaitu 17 buah acara bagi setiap jantina. Renang juga merupakan acara yang popular dalam Sukan Olimpik Musim Panas, dengan setiap jantina ahli olahraga masing- masing bertanding dalam 13 buah acara yang diiktirfaf. Acara-acara Sukan Olimpik diadakan di dalam kolam yang 50 meter panjangnya. Badan pentadbiran antarabangsa renang pertandingan ialah FINA (Fédération Internationale de Natation) , iaitu Persekutuan Renang Antarabangsa. Terdapat empat gaya pertandingan dalam Sukan Renang di peringkat Sukan Olimpik iaitu gaya kuak kupu-kupu, gaya kuak lentang, gaya kuak dada, dan gaya bebas.

**Renang** dalam Sukan Olimpik Musim Panas 2020 akan menampilkan sejumlah 37 acara (18 acara : lelaki dan wanita dan 1 campuran ) termasuk dua 10 km marat on terbuka .
•Gaya Bebas : 50 ,100 , 200 , 400 , 800 dan 1,500
•Kuak Lentang : 100 dan 200 ;
•Kuak Dada : 100 dan 200 ;
•Kuak Rama Rama :100 dan 200 ;
•Medley Individu : 200 dan 400 ;
•Berganti ganti : 4×100 / 200 gaya bebas dan 4×100 ( Lelaki , Perempuan , Bercampur
•Maraton : 10 kilometer

**Sukan Terjun** terdapat 5 jenis acara antaranya ialah:



• 1m papan anjal (lelaki & perempuan) (Tidak dipertandingkan di sukan Olimpik)
• 3m papan anjal (lelaki & perempuan & berirama)
• 5m platform (lelaki & perempuan) (Tidak dipertandingkan di sukan Olimpik)
• 7.5m platform (Tidak dipertandingkan di sukan Olimpik)
• 10m platform (lelaki & perempuan & berirama)

Walaubagaimanapun, hanya 8 acara sahaja yang dipertandingkan di sukan Olimpik.

3M PAPAN ANJAL
1. 3m papan anjal individu (lelaki)
2. 3m papan anjal individu (perempuan)
3. 3m papan anjal berirama (lelaki)
4. 3m papan anjal berirama (perempuan)



10M PLATFORM
5. 10m platform individu (lelaki)
6. 10m platform individu (perempuan)
7. 10m platform berirama (lelaki)
8. 10m platform berirama (perempuan)

**Renang berirama** atau renang indah (dinamakan secara rasminya sebagai renangan artistik - artistic swimming - sejak Julai 2017), adalah suatu bentuk sukan gabungan berenang, tarian dan gimnastik yang terdiri perenang melakukan rutin rumit serentak (sama ada solo, berpasangan sama atau lain jantina, pasukan bebas, gabungan bebas, dan tampilan utama) dalam air yang disertai dengan muzik.

Rutin-rutin yang dilaksanakan dalam sukan ini terdiri daripada pergerakan kaki khusus ("figures"), gerakan tangan Serta tampilan khas. Para perenang menari serent mengikut satu sama lain dengan muzik yang diaminkan. Mereka juga tidak dibenarkan memijak dasar kolam sebagai sokongan tetapi apungan mereka sentias dikekalkan menggunakan pergerakan tulang empat kerat.



Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Penternakan ikan pari air tawar sebagai produk ekonomi kreatif



KEPELBAGAIAN spesies ikan pari hiasan yang dipelihara.

**MUNGKIN** ramai yang tidak mengetahui bahawa di Pulau Pinang terdapat pengusaha ternakan ikan pari air tawar yang dijalankan secara komersial sebagai penghias akuarium.

Walaupun harganya agak mahal sehingga ada yang melebihi RM20,000 seekor, namun ikan pari air tawar atau nama saintifiknya *'Potamotrygonidae'* tetap mempunyai peminat tersendiri.

Selain memiliki warna yang cantik, bagi masyarakat Cina, ikan pari air tawar ini juga dianggap sebagai satu simbol untuk mengekalkan kekayaan sedia ada.

Pengusaha tunggal penternakan ikan pari air tawar secara komersial di Pulau Pinang, **LOW KHENG KEAT**, 37, memberitahu bahawa ikan pari air tawar juga boleh dibiakkan sebagai ikan hiasan akuarium atau kolam di rumah seperti ikan arowana.

Beliau memberitahu bahawa minat terhadap penternakan ikan pari air tawar bermula semasa beliau mengunjungi seorang kenalan dekat Taiwan yang mana beliau terpesona melihat ikan unik tersebut yang dibela di dalam sebuah akuarium.

"Lagipun, harga ikan arowana di pasaran mulai turun, jadi saya mula mencari alternatif lain.

"Pada masa itu juga masih tidak ada seorang pun di Malaysia yang menjalankan perniagaan penternakan ikan pari jenis ini secara komersial, dan sejak itu saya melihat potensi yang ada pada spesies ini.

"Ketika saya meminta nasihat daripada rakan saya, dia menyarankan agar saya membeli ikan pari dari Brazil kerana lebih berkualiti," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Kheng Keat, bermula dari minat tersebut beliau kemudiannya mula mempelajari lebih banyak mengenai ikan pari air tawar seperti kitaran hidup, keperluan air, tingkah laku serta makanan yang diperlukan.



GOH Choon Aik.

Tambah beliau, menternak ikan pari bukanlah suatu pekerjaan yang mudah kerana ia memerlukan banyak peralatan selain perlu menghabiskan masa seharian untuk memastikan bahawa parameter kualiti air dalam keadaan baik khususnya daripada segi nilai pH air.

"Jangka hayat ikan pari adalah sekitar 30 tahun tetapi jika kita tidak tahu cara untuk menjaganya dengan baik, maka ia boleh mati dalam jangka masa setahun. Ikan pari sangat sensitif terhadap nilai pH dan memerlukan air tawar.

"Biasanya, pelanggan-pelanggan saya sudah mempunyai pengetahuan mengenai perkara ini tetapi jika pembeli adalah asing dalam industri ini, maka saya akan memberi petua bagaimana untuk menjaga ikan ini dengan betul," ulasnya.

Kheng Keat menyatakan bahawa harga ikan pari yang dijual termasuk melalui *Facebook* adalah antara RM2,000 hingga RM20,000 bergantung kepada spesies dan corak pada kulitnya.

"Pada masa ini, kedai saya mempunyai lebih 200 ekor ikan pari daripada lima spesies iaitu *Super White, Super White Hybrid, Black Diamond, Marble* dan *Albino*.

"Daripada lima spesies ini, spesies yang paling mahal adalah ikan pari air tawar jenis *Super White* kerana corak kulitnya yang cantik," tambahnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik yang turut hadir dalam sesi temu bual itu menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar membantu penternak yang terlibat dalam industri unik ini.

